

04 APR 1999

Zainal-Australia

MTUC TUBUH JAWATANKUASA SIASAT DUA PEGAWAI DAGANG AUSTRALIA

PETALING JAYA, 4 April (Bernama) -- Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menubuhkan satu jawatankuasa siasatan bagi menyiasat isu dua orang pegawai dagang Australia yang didakwa menghina negara ini.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata jawatankuasa itu ditubuhkan berikutan kenyataan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek Mac lepas yang menganggap isu berkenaan telah selesai berikutan MTUC gagal mengemukakan bukti kukuh.

"Pada mulanya kementerian (Sumber Manusia) kata ada kes, kemudiannya kata tidak ada pulak, jadi pada mesyuarat semalam kita telah bersetuju menubuhkan jawatankuasa itu bagi menyiasat terperinci dua pegawai berkenaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Lim Ah Lek pada sidang media 17 Mac lepas berkata MTUC dan kesatuan sekerja syarikat terbabit gagal mengemukakan bukti dan asas yang kukuh untuk menyokong dakwaan terhadap dua orang pegawai dagang itu.

Dua orang pegawai dagang Australia di syarikat F&N Coca-Cola Beverage Sdn Bhd Shah Alam yang memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan dan Pengurus Logistik dan Pengedaran didakwa oleh MTUC menghina undang-undang buruh Malaysia dengan menganggapnya sebagai "bodoh" dan "ketinggalan zaman".

Kedua-duanya turut didakwa mempersendakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan cuti umum sempena kejayaan atlit Malaysia dalam beberapa acara Sukan Komanwel Ke-16 dan menukar cuti umum keagamaan (Thaipusam dan Nuzul Quran) untuk digantikan dengan cuti umum yang lain yang tidak mempunyai kaitan keagamaan.

"Kita telah diberitahu kes itu telah ditutup, bagaimanapun menerusi jawatankuasa itu kita akan menjalankan siasatan mendalam berkenaan perkara itu bagi membuktikannya," kata Zainal yang kesal dengan tindakan Lim menutup kes itu.

-- BERNAMA

MS RHM